

LATIHAN PENGUKUHAN**3****A Padankan definisi struktur kawalan pilihan dan ulangan. SP 6.3.1 TPI**

1. Struktur kawalan ulangan

(a) Satu langkah yang mempunyai dua atau lebih set tindakan sebagai pilihan untuk dilaksanakan.

2. Struktur kawalan pilihan

(b) Satu set tindakan yang sentiasa berulang sehingga syarat tersebut dipenuhi.

B Berdasarkan situasi di bawah, tuliskan PILIHAN bagi struktur kawalan pilihan dalam pengaturcaraan atau ULANGAN bagi struktur kawalan ulangan dalam pengaturcaraan. SP 6.3.1 TP2

1. Siren ambulans berbunyi mengikut sela masa tertentu dan sentiasa berulang.
2. Pencetak pelbagai guna mempunyai beberapa fungsi yang dapat dipilih pada menunya.
3. Mesin layan diri membolehkan kita membeli makanan yang berbeza.
4. Pengguna dapat menetapkan suhu yang dikehendaki pada penyaman udara.
5. Pembersih vakum robotik berulang-ulang membersihkan kawasan yang ditetapkan sehingga bersih.
6. Papan iklan digital menunjukkan iklan secara berturutan dan berulang.